



KETUA Pegawai Eksekutif Doite (M) Sdn. Bhd., Baharudin Bahari bertukar dokumen perjanjian persefahaman dengan Pengarah Eksekutif Yayasan Steinbeis Malaysia, Dr. Abdul Reezal Abdul Latif (kanan) hasil kerjasama Doite dan Universiti UCSI menerusi yayasan itu di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Dr. Khalid Yusoff (dua dari kiri) dan Mark Rozario.

Yayasan Steinbeis Malaysia lancar STCN ke-5 di UCSI

KUALA LUMPUR 4 Mac - Yayasan Steinbeis Malaysia hari ini melancarkan Rangkaian Pusat Pemindahan Steinbeis (STCN) yang kelima di Universiti UCSI sebagai inisiatif menggalakkan kerjasama antara universiti dan industri dari aspek pemindahan ilmu dan teknologi.

Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Inovasi Malaysia (AIM) merangkap wakil Yayasan Steinbeis Malaysia, Mark Rozario berkata, STCN merupakan platform bagi menggalakkan perkongsian kepakaran dan pengetahuan kedua-dua entiti.

“Pusat pemindahan ini bukan sahaja bertindak sebagai penyelesaian masalah, malah turut menggalakkan perkongsian teknologi dan inovasi antara pihak industri dengan pakar-pakar dalam bidang tertentu,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor dan Presiden Universiti UCSI, Prof. Datuk Dr. Khalid Yusoff.

Yayasan Steinbeis Malaysia kini mempunyai Rangkaian Pusat Pemindahan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Gabungan Pusat Pemindahan Perindustrian Matematik, kerjasama antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Tambah Rozario, STCN juga merupakan langkah bijak bagi pemain industri menjimatkan kos dalam mendapat khidmat sumber luar.

“Perkara ini penting untuk memastikan pertumbuhan dalam situasi ketidakpastian ekonomi selain dapat mengurangkan kos,” katanya dalam sidang akhbar selepas menandatangani perjanjian dengan Universiti UCSI dan Doite (Malaysia) Sdn. Bhd. yang bekerjasama melalui STCN.

Sementara itu, Khalid berkata, kerjasama dengan Yayasan Stein-

beis Malaysia akan memberikan penyelidikan dan pelajar Universiti UCSI pendedahan yang diperlukan untuk persediaan menghadapi kerjaya mereka.

“Dalam situasi mencabar hari ini, pekerja bukan sahaja perlu menguasai pengetahuan asas dalam bidang yang mereka ceburi tetapi harus mempunyai kemahiran dan kecekapan untuk berkembang maju dalam persekitaran dinamik.

“Dengan adanya Universiti UCSI-STNC, pelajar didedahkan kepada situasi, pengalaman, dan keperluan industri malah memberi penyelidikan nilai tambah kepada kerja akademik dan saintifik mereka,” katanya.

Menurutnya, program Universiti UCSI-STNC tersebut merupakan salah satu inisiatif pihaknya merealisasikan aspirasi negara untuk menjadi hab kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa.